

■ Atlet wushu negara mahu akhiri karier dengan detik gemilang

Firdaus Hashim

firdaushashim@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pemenang emas tiga temasya berbeza, Diana Bong Siong Lin (*gambar*) bertekad memastikan penampilan terakhirnya berakhir dengan emas apabila atlet wushu dari Kuching, Sarawak itu mengambil keputusan untuk bersara.

Diana, 32, yang pernah mengungguli emas pada saingan di Thailand (2007), Laos (2009) dan Myanmar (2013), mahu kemunculan terakhirnya di laman sendiri diakhiri dengan kenangan paling manis dalam kariernya.

“Kalau boleh saya nak menang emas di tempat sendiri. Ikutkan sudah banyak kali menang emas Sukan SEA tapi suasananya

Tagih kilau emas

HARIAN METRO

15/8/2017 p.51

berbeza kerana kali ini kita menjadi tuan rumah.

“Malah, saya juga nak mengakhiri karier dengan saat manis memenangi emas di depan penyokong sendiri kerana saya akan bersara selepas ini.

“Memang sedih tinggalkan pasukan, namun saya akan cuba tinggalkan sesuatu yang berharga buat pasukan wushu dan negara,” katanya kepada Arena Metro, semalam.

Dia yang juga pemegang Ijazah Sarjana Komunikasi Korperat dari Universiti Putra Malaysia (UPM) bakal bertanding dalam acara gabungan iaitu Nanquan, Nandao dan Nanguan kali ini.

Katanya, “kegagalan mempertahankan emas pada temasya dua tahun lalu turut menguatkan keazamannya untuk menebus kekecewaan itu.

“Dua tahun lalu saya ter-
lalu yakin dapat memper-

tahankan emas dimenangi di Myanmar.

“Untuk kali ini, saya lebih tenang dan tidak mahu terlalu memikirkan soal kemenangan atau pihak lawan. Sebaliknya fokus saya lebih kepada persiapan sendiri saja.

“Saya cuma mahu meningkatkan kekuatan mental kerana apa yang penting semasa pertandingan adalah keyakinan mempamerkan aksi optimum,” katanya.

